



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

USAHAWAN INTERNET KE ARAH MEMBENTUK BELIA BERDAYA MAJU DALAM EKONOMI GLOBAL

KUALA LUMPUR, 1 Oktober 2016 – YB. Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Perasmian Konvensyen Keusahawanan eNTERWIP 2.0 & Technofest 2016 yang diadakan di Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur. Konvensyen ini merupakan satu inisiatif di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan GIATMARA dengan kerjasama Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) dalam usaha membantu mengembangkan ekonomi belia di Wilayah Persekutuan menerokai peluang perniagaan internet yang berpotensi serta berdaya saing. Usahasama ini merupakan salah satu Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi menarik lebih ramai peserta muda dalam bidang keusahawanan online.

2. Penganjuran konvensyen ini turut mendapat sokongan daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyber Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) manakala pihak swasta ialah Telekom Malaysia (TM), Senangpay, Viral, TV Alhijrah, Mynic, Pusat Pungutan Zakat Wilayah, Majalah PC, Amanz, NZ Mobile, Vivo, Google Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan skala yang lebih besar sebagai kesinambungan kepada eNTERWIP 1.0 yang diadakan pada tahun 2015. Seramai lebih kurang 3000 orang peserta yang hadir dalam Konvensyen Keusahawanan eNTERWIP 2.0 & Technofest 2016 yang terdiri daripada golongan belia di Wilayah Persekutuan.

3. Program ini juga merupakan program pemerksaan ekonomi belia dalam melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Faktor

kesukaran mendapatkan premis perniagaan di kalangan peniaga mendorong pengusaha untuk memulakan perniagaan hampir serta-merta dan menyertai komuniti peniaga maya tanpa melibatkan perbelanjaan yang besar. Kepentingan menerokai peluang perkembangan perniagaan *offline* kepada *online* perlu diambil kira memandangkan ia lebih mudah serta murah berbanding perniagaan secara *offline*.

4. Seramai 43 penceramah yang terdiri daripada nama-nama besar dalam dunia perniagaan internet dan mempunyai *followers* mencecah ratusan ribu orang antaranya ialah Irfan Khairi, Gero Azrul, SifuFBads, Faisal Abdullah, Muaz Abdul Hadi, Faizal Zainon dan ramai lagi. Pembangunan infrastruktur teknologi maklumat dan kemunculan media sosial secara langsung telah memberi peluang perkembangan perniagaan online kerana menurut laman web eCommerceMilo melaporkan bahawa daripada 30.54 juta penduduk Malaysia, kira-kira 20.62 juta penduduk adalah pengguna aktif internet dengan 18 Juta penduduk pengguna aktif media sosial.

5. KWP juga berharap agar penganjuran konvensyen ini akan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai peluang-peluang perniagaan yang berpotensi dan berdaya saing untuk diceburi dalam bidang perniagaan internet dan seterusnya membantu mengembangkan ekonomi para pengusaha khususnya di Wilayah Persekutuan dengan kerjasama strategik antara peniaga baru internet dengan agensi Kerajaan dan pihak swasta.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
1 Oktober 2016
Kuala Lumpur